

Kuala Lumpur: Mana-mana individu yang mengaku dirinya sebagai pewaris Kesultanan Melayu Melaka perlu kemukakan bukti dengan menunjukkan jurai keturunan mereka bagi menyokong dan mengukuhkan dakwaan itu.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Rohaidah Kamaruddin berkata, pembuktian melalui jurai keturunan juga boleh disokong dengan menjalankan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap individu itu melalui perundangan.

"Kalau mereka daripada jurai sebelah ibu, memang

ia sudah habis..., tapi kalau sebelah bapa, kita hendak tahu yang mana satu jurai itu dan tunjukkan sebagai bukti.

"Semua orang boleh cakap dan mengaku mereka keturunan Melayu Melaka, tetapi pembuktian dengan mengemukakan jurai itu akan mengukuhkan pengakuan berkenaan," katanya ketika dihubungi Metro Ahad, semalam.

Menurut Dr Rohaidah, selepas individu berkenaan

Perlu kemuka bukti jurai keturunan

mengemukakan bukti jurai, proses ujian DNA boleh dilakukan terhadap mereka dengan mengikut undang-undang dan peraturan di negara ini.

"Mereka boleh mengemukakan permohonan berlandaskan undang-undang sedia ada melalui Kerajaan Melaka untuk menjalankan ujian DNA sebagai bukti mereka pewaris yang sah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai

dakwaan seorang wanita yang menggelar dirinya 'Bonda Ratu' dan mengaku sebagai waris Kesultanan Melayu Melaka.

Dr Rohaidah berkata, berdasarkan kajian sejarah sedia ada, waris Kesultanan Melayu Melaka mlarikan diri ke Pahang, Perak dan Johor dengan cara berjalan kaki ketika diserang penjajah, namun tiada pembuktian menunjukkan mereka ke Indonesia.

"Selain menunjukkan ju-

rai keturunan, pewaris biasanya menyimpan peralatan kebesaran atau barang pusaka seperti keris, cop mohor diraja berbentuk naga dan sebagainya.

"Keris yang dimiliki mereka juga boleh dikenal pasti dan disahkan pakar membuat keris sebagai tinggalan zaman purba atau baru dibuat suka-suka untuk menampakkan mereka pewaris kesultanan," kata dia.

Semalam, akhbar mela-

porkan 'Bonda Ratu' yang berasal dari Talang Banjar, Indonesia ditahan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) kerana disyaki terbabit dalam proses perubatan yang boleh mengelirukan umat Islam.

Wanita itu dipercayai menjalankan aktiviti perubatan seperti membuang saka di kubur besar di Pulau Besar selain menjalankan perbuatan itu di rumahnya di Sungai Rambai, Jasin, Melaka.

Difahamkan, wanita itu sedang membuat persiapan untuk menganjurkan Majlis Penganugerahan Salasilah Keturunan Raja Tian Bongkok Kesultanan Alam Kerinchchi Tinggi Nan Sebatang.